

26/08/1997

Hayati erti kemerdekaan

KUALA LUMPUR, Isnin - Generasi muda perlu menghayati erti sebenar kemerdekaan dan berusaha mengisi perjuangan menerusi sambutan Hari Kebangsaan bagi menjadikan Malaysia negara maju dan dihormati menjelang 2020.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata sambutan Hari Kebangsaan bertujuan melahirkan kesyukuran dan masyarakat perlu menyahutnya dengan perasaan tanggungjawab demi agama, bangsa dan negara.

"Pendekatan itu akan mengingatkan kita untuk berusaha lebih tekun bagi memperbaiki dan meningkatkan kecemerlangan diri dalam pembangunan negara," katanya pada Majlis Pelancaran dan Pameran Logo Hari Kebangsaan, di sini hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Mohd Noh Rejab; Setiausaha Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri, Abdullah Yatim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Mencipta Logo dan Pameran Logo Hari Kebangsaan.

Sabbaruddin berkata, tema Hari Kebangsaan tahun ini iaitu 'Akhlak Mulia Masyarakat Jaya' dipilih bagi menekankan pentingnya akhlak mulia di kalangan individu dan melahirkan warganegara yang berjaya.

"Pemilihan itu juga diharap dapat membudayakan nilai hidup yang luhur, murni dan positif di kalangan rakyat dan melahirkan masyarakat madani yang cemerlang menjelang wawasan 2020.

"Kita ingin melihat perkembangan insan dan pembangunan ekonomi negara berjalan seiringan serta dapat menghindari masalah sosial seperti bohsia, sumbang muhrim, pembuangan bayi serta kes pelacuran," katanya.

Pada majlis itu juga, beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mencipta logo Hari Kebangsaan.

Pelajar tahun akhir Kajian Senireka dan Grafik, Institut Teknologi Mara (ITM), Mohamad Azid Abdul Latif, 22, diumumkan pemenang pertandingan itu. Azid menerima wang tunai RM5,000, cenderamata dan sijil penyertaan.

Turut menerima hadiah ialah 10 pemenang saguhati yang menerima wang tunai RM700, cenderamata dan sijil untuk setiap seorang.

Sabbaruddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pusat Hari Kebangsaan, berkata, tujuan utama pertandingan mencipta logo ialah menggalakkan semua lapisan masyarakat sama-sama menyertai, menghayati dan mengambil bahagian dalam sambutan Hari Kebangsaan.

"Dengan penyertaan lebih 1,911 reka bentuk logo dalam pertandingan itu, menunjukkan rakyat negara ini sentiasa memberikan komitmen terhadap Hari Kebangsaan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi penghormatan memilih satu daripada 11 karya yang diperakukan oleh Panel Pemilihan untuk dijadikan logo Hari Kebangsaan 1997," katanya.

Sempena pelancaran logo berkenaan, satu pameran logo terbaik Hari Kebangsaan diadakan bertujuan memberi penghormatan kepada pencipta logo termasuk logo yang dihasilkan masing-masing lima dari kategori sekolah rendah dan menengah.

Pameran diadakan di kompleks beli-belah The Mall dibuka kepada orang ramai untuk menilai logo yang dihasilkan di samping menarik lebih ramai rakyat negara ini menyertai pertandingan itu pada masa depan.

(END)

